

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PENUTUP SIMPOSIUM KEBANGSAAN KERAJAAN ELEKTRONIK
Lokasi : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA
Tarikh : 19-12-1997

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penganjur Simposium kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata di Majlis Penutup Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik pada hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada MAMPU dan semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan Simposium ini.

2. Selama dua hari yang lalu, tuan-tuan dan puan-puan telah diberi pendedahan secara terperinci tentang isu-isu dan cabaran-cabaran yang sedang dan bakal dihadapi dari pelaksanaan infrastruktur Kerajaan Elektronik, seperti; polisi dan standard Kerajaan Elektronik, aspek perundangan siber, isu-isu keselamatan, pembangunan sumber manusia, proses perekaayaan semula (reengineering process) sistem dan prosedur kerja dan aspek-aspek yang lain. Sumber-sumber maklumat yang telah diperolehi itu amat berguna untuk dijadikan panduan serta asas penggubalan rangka kerja dasar dan strategi pelaksanaan Kerajaan Elektronik seterusnya di agensi masing-masing.

3. Dalam kita menuju era information age, mereka yang menguasai komoditi teknologi dan sumber maklumat dianggap mempunyai kelebihan daya saing, malah kadangkala berkuasa. Kemajuan teknologi maklumat, multimedia dan telekomunikasi dalam proses globalisasi bergerak begitu pantas dan memberi kesan yang besar di dalam kehidupan manusia. Komputer kini menjadi sebahagian dari budaya hidup manusia dan maklumat hari ini sudah menjadi satu komoditi, baik di pejabat mahupun di rumah. Pada hari ini sahaja terdapat antara 40 hingga 50 juta pengguna Internet di seluruh dunia. Menurut Technology Forecast 1997 terbitan Price Waterhouse, angka ini akan meningkat sebanyak 15 peratus setiap bulan.

4. Usaha-usaha ke arah pembaharuan dan kemajuan yang berkesan tidaklah mudah direalisasikan memandangkan jumlah personel awam yang besar, lokasi sesetengah agensi yang berjauhan dan yang paling kritikal, masalah perubahan minda (mind shift). Justru itu, sebarang pembaharuan sangat memerlukan pengendalian pengurusan perubahan yang baik seperti strategi, idea dan sistem-sistem tertentu di ambil. Di antara usaha-usaha yang dikenalpasti boleh membantu mengurangkan halangan-halangan kepada perubahan ialah melalui kempen-kempen kesedaran yang agresif, siri latihan dan kemahiran yang berterusan, sokongan dan tanggungjawab ketua agensi dan pihak pengurusan atasan agensi dan pelaksanaan projek-projek perintis jika difikirkan perlu. Di sini, saya melihat isu latihan amat kritikal bagi kejayaan Kerajaan Elektronik. Untuk itu, saya menggesa agar semua ketua agensi mengadakan program latihan, kemahiran dan kursus IT secara terancang dan terperinci bagi melengkapkan tenaga kerja masing-masing dalam bidang IT dengan bantuan dan nasihat daripada pihak INTAN atau institusi-institusi latihan awam yang lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Saya percaya, setelah dua hari bertungkus lumus berbincang dan meneliti perkara-perkara berhubung Kerajaan Elektronik, tuan-tuan dan puan-puan telah berjaya mendalami dan mempertingkatkan pengetahuan masing-masing. Adalah jelas bahawa semua peserta bersetuju dengan perkara-perkara berikut:- * pentingnya penyeragaman dalam pelaksanaan Kerajaan Elektronik; * pentingnya perlantikan Chief Information Officer (CIO); * perlunya pembangunan sumber tenaga manusia untuk EG (tumpuan pada perubahan minda set); * perlunya pembangunan infrastruktur untuk EG (komponennya; rangkaian multimedia, keselamatan dan rangka kerja operasi, personel terlatih dan lain-lain); * perlunya perubahan dan reinventing government (menggantikan sistem birokrasi dengan sistem entrepreneurial, sentiasa melakukan penambahbaikan dan self renewing system); dan * perlunya reengineering process sebelum melaksanakan IT.

6. Saya ingin memperjelaskan sekali lagi bahawa kejayaan pelaksanaan Kerajaan Elektronik bukan semata-mata bergantung di atas perolehan mesin-mesin elektronik yang moden atau sistem-sistem komputer yang canggih sahaja. Apa yang penting ialah petugas-petugas awam yang menggunakan sistem-sistem berkenaan. Dalam hubungan ini saya ingin menggesa agar ketua-ketua agensi

memberikan komitmen sepenuhnya di dalam pelaksanaan Kerajaan Elektronik. Tanpa komitmen ini, pelaksanaan Kerajaan Elektronik tidak mungkin akan mencapai kejayaan yang diharapkan.

7. To our guest speakers and participants from overseas, I would like to thank you for sharing your expertise and experience with us. As much as Malaysian participants have learnt and benefitted from your participation, I hope you too have gained from this symposium, in terms of fresh insight and understanding of the Malaysian vision of electronic government. I hope we can continue to count on your support and cooperation as we undertake to turn the vision of electronic government into reality.

Dengan ini, saya dengan penuh takzim menutup Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik.